

# Jangan terpedaya konsep kebebasan Barat

UM 3 AUG 2001

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan parti pembangkang yang mendesak diberi hak berceramah supaya tidak terpedaya dengan konsep kebebasan bersuara di Barat yang hakikatnya tidak wujud sama sekali.

Menurut Perdana Menteri, walaupun hak bersuara di Barat 'ternampak' bebas tetapi setelah diselidiki, media di sana dikuasai oleh pihak berkepentingan yang mempunyai motif tertentu.

Akhbar di Barat, tegas beliau, misalnya tidak pernah memberi ruang melaporkan keadaan sebenar mengenai nasib dan penderitaan umat Islam di seluruh dunia.

Malah, mereka bersikap berat sebelah dan paling ketara dalam kes letupan bangunan di Oklahoma City, Amerika Syarikat, orang Islam dipersalahkan sedangkan penjenayah sebenar ialah orang kulit putih.

"Di Amerika Syarikat dan England tidak

ada kebebasan. Cuma yang ada ialah 'tangan-tangan ghaib' yang hanya memaparkan pendapat orang tertentu sahaja.

"Oleh itu, kita janganlah terbawa-bawa akan apa yang ada di negara-negara maju," katanya pada sesi dialog dengan peserta Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertema "Toleransi-Model Malaysia" di IKIM hari ini.

Dr. Mahathir menjawab soalan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali dalam sesi dialog itu, yang menyangkal kenyataan beliau bahawa di AS dan Britain, parti-parti politiknya menghentikan ceramah menghentam lawan masing-masing selepas pilihan raya umum.

Dr. Mahathir yang memberi jawapan kepada seorang peserta lain sebelum itu berkata, Parti Konservatif di Britain menghentikan ceramah politik bagi memberi ruang kepada kerajaan baru dari Parti

Buruh, pimpinan Tony Blair menjalankan dasar kerajaan.

Malah, menurutnya, jika ada rakyat Britain yang tidak berpuas hati dengan kerajaan sedia ada, mereka boleh 'menukarnya' pada pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, Mustafa mempertikaikan penjelasan Dr. Mahathir dengan menyatakan meskipun ceramah politik dihentikan, kebebasan bersuara tetap ada di Britain menerusi peranan yang digerakkan oleh media khususnya akhbar.

Menurut Dr. Mahathir, beliau terpaksa memperbetulkan kenyataan Mustafa kerana laporan akhbar di Barat tidak pernah berlaku adil kepada umat Islam.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa pernah ucapan yang disampaikannya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyebabkan ramai anggota delegasi negara lain mengucapkan tahniah dan sokongan kepada beliau.

"Tetapi tak ada satu barispun dalam ucapan saya dilaporkan oleh akhbar di sana sedangkan apa yang saya katakan itu menyentuh nasib berjuta-juta manusia," katanya.

Mengulas lanjut kenyataan Mustafa, Dr. Mahathir berkata, Islam memang menyuruh umatnya bersikap toleran dalam sesuatu perkara.

"Tetapi kita khuatir dengan fitnah yang lebih dahsyat (ditimbulkan dalam ceramah politik) dengan memutarakan ajaran Islam.

"Mereka yang terlibat melempar fitnah dan cekap dalam perbuatan "membaling batu sembunyi tangan," katanya.

Semalam, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor mengesakan bahawa partinya akan menganjurkan siri ceramah politik biarpun ada larangan daripada polis kerana menganggap arahan lisan yang dikeluarkan tidak sah.